

RIWAYAT-RIWAYAT SAHIB ASBAB AL-NUZUL DI DALAM TAFSIR NURUL IHSAN DAN KESESUAIANNYA DENGAN KONTEKS AYAT: ANALISA SURAH AL-BAQARAH

Mohd Nazri Ahmad¹ & Hamdi Ishak²

*Pusat Kajian Al-Quran Dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor^{1,2}
hamdi@ukm.edu.my²*

ABSTRACT

Tafsir Nurul Ihsan was the first Malay interpretation produced by Malaysian scholar Muhammad Sa'id bin Umar. This tafsir has presented hadiths related to Asbab al-Nuzul in the form of translation. This article aims to analyse the narrations of Asbab al-Nuzul which are sahih in Surah al-Baqarah found in Tafsir Nurul Ihsan. The results of the study found that Muhammad Sa'id refers only to two books in which he cited the narrations of Asbab al-Nuzul which is Tafsir al-Jalalayn and al-Futuhāt al-Ilāhiyyah or better known as Hashiah al-Jamal. While in Surah al-Baqarah there are 18 hadith about Asbab al-Nuzul. 8 of them are sahih narrations and another 10 are da'if. Most of the narrations of Asbab al-Nuzul submitted are data transformed by the authors of the hadiths found in other tafsir books which are not explained sources of recruitment, position and criticism. In conclusion, narrations submitted by Haji Muhammad Sa'id can be divided into two parts, Asbab al-Nuzul which coincides with the context of the verse and the second Asbab al-Nuzul which does not correspond to the context of the verse. There is a narration that does not correspond to the context of the verse.

Keywords: Sahih, Asbab al-Nuzul, Tafsir Nurul Ihsan, Surah al-Baqarah

ABSTRAK

Tafsir Nurul Ihsan merupakan tafsir Bahasa Melayu pertama dihasilkan oleh ulama Malaysia iaitu Muhammad Sa'id bin Umar. Tafsir ini telah mengemukakan hadith-hadith berkaitan dengan *asbab al-Nuzul* dalam bentuk terjemahan. Artikel ini bertujuan menganalisis riwayat-riwayat *Asbāb al-Nuzūl* yang sahih di dalam Surah al-Baqarah yang terdapat di dalam Tafsir Nurul Ihsan. Hasil kajian mendapati, Muhammad Sa'id hanya merujuk dua kitab sahaja dalam menukulkan riwayat-riwayat *Asbāb al-Nuzūl* iaitu kitab *Tafsīr al-Jalālayn* dan *al-Futuhāt al-Ilāhiyyah* atau lebih dikenali sebagai *Hāshiah al-Jamal*. Di dalam Surah al-Baqarah terdapat 18 hadith berkaitan *Asbab al-Nuzul*. Lapan daripadanya adalah sahih dan 10 adalah *da'if*. Kebanyakan riwayat-riwayat *Asbab al-Nuzul* yang dikemukakan adalah merupakan data yang ditransformasikan oleh penulis daripada hadis-hadis yang terdapat di dalam kitab-kitab tafsir yang lain yang tidak dijelaskan sumber pengambilan, kedudukan dan kritikan. Secara keseluruhannya, riwayat-riwayat yang dikemukakan oleh Haji Muhammad Sa'id boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu *Asbab al-Nuzul* yang bertepatan dengan konteks ayat dan kedua *Asbab al-Nuzul* yang tidak bersesuaian dengan konteks ayat. Terdapat satu riwayat yang tidak sesuai dengan konteks ayat.

Kata Kunci: Riwayat Sahih, *Asbab al-Nuzul*, Tafsir Nurul Ihsan, Surah al-Baqarah

PENGENALAN

Tafsir Nurul Ihsan merupakan Tafsir Bahasa Melayu pertama yang dihasilkan oleh ulama Malaysia iaitu Muhammad Sa'id bin Umar yang dilahirkan pada tahun 1275h/ 1854m di Kampung Kuar,

Jerlun, Kedah Darul Aman. Riwayat *Asbāb al-Nuzūl* telah mendominasi sebahagian kecil daripada tafsir ini. Terdapat sebanyak 172 riwayat *Asbāb al-Nuzūl* di dalam tafsir ini, 68 daripadanya adalah sahih dan 104 daripadanya adalah da'if. Manakala di dalam Surah al-Baqarah pula terdapat 18 hadith berkaitan Asbab al-Nuzul. Lapan daripadanya sahih dan 10 lagi adalah da'if. Artikel ini hanya menganalisis riwayat-riwayat yang sahih sahaja. Kebanyakan riwayat-riwayat *Asbab al-Nuzul* yang dikemukakan adalah merupakan data yang ditransformasikan oleh penulis daripada hadith-hadith yang terdapat di dalam kitab-kitab tafsir yang lain yang tidak dijelaskan sumber pengambilan, kedudukan dan kritikan.

LATAR BELAKANG

Berpegang dengan hadith dan riwayat yang sahih adalah merupakan fardu terhadap setiap umat Islam. Setiap muslim tidak sewenang-wenangnya menerima dan mempercayai setiap perkhbaraan yang berkaitan dengan agamanya kecuali setelah memastikan kesahihan riwayat tersebut. Ilmu Tafsir merupakan salah satu cabang ilmu hadith kerana Nabi s.a.w merupakan pentafsir terulung, diikuti oleh para Sahabat dan al-Tabi'in serta Atba' al-Tabi'in. Di zaman Nabi s.a.w dan para Sahabat, tidak berlaku penyelewengan dalam tafsir al-Qur'an. Tetapi di zaman Tabi'in, apabila berlaku perpecahan dikalangan umat Islam disebabkan perbezaan madhhab dan percambahan ideologi politik, bermulalah penyerapan unsur-unsur kurang sihat menular masuk ke dalam ilmu Tafsir. Tambahan pula ketika itu berlaku peringkasan sanad yang dilakukan oleh penyusun dan pengumpul riwayat-riwayat Tafsir yang akhirnya menimbulkan kesukaran untuk membezakan antara riwayat-riwayat yang sahih dan da'if. Apabila datang generasi selepas itu, mereka sewenang-wenangnya menaakalkan riwayat-riwayat Tafsir ke dalam kitab-kitab mereka tanpa memastikan terlebih dahulu kesahihan dan keda'ifannya. Keadaan menjadi bertambah sukar apabila munculnya generasi yang tidak berintigriti untuk mengenalpasti kedudukan sesuatu riwayat. *Asbab al-Nuzul* juga tidak terkecuali daripada diresapi unsur-unsur kurang sihat akibat peringkasan sanad ini. Sehubungan itu, Shaikh al-Islam Ibn Taimiyyah berkata di dalam *Minhaj al-Sunnah al-Nabawiyah*: Adapun hadith-hadith Sebab Turun, kebanyakannya diriwayatkan secara *mursal* tanpa sanad. Kerana itu, Imam Ahmad bin Hanbal berpesan: "Tiga jenis ilmu yang tidak bersanad, dalam lafaz yang lain, "tiada asal usul" iaitu *Tafsir, al-Maghaziy dan al-Malahim*", maksudnya; kebanyakan riwayatnya adalah *Mursal*. (1406h. 1: 44) Imam Muslim juga didalam Muqaddimah sahihnya berkata: Ketahuilah! Mudah-mudahan kamu diberi taufiq oleh Allah Ta'ala. Sesungguhnya wajib atas setiap manusia mengetahui perbezaan antara riwayat yang sahih dan da'if, antara perawi-perawi yang thiqah dan ditohmah. Seseorang tidak harus meriwayatkan sesuatu hadith kecuali setelah mengetahui kesahihan sumbernya dan membuka tutupan yang terdapat pada perawi-perawinya, dan dia wajib menjauhkan periwayatan daripada perawi-perawi yang ditohmah dan pengamal-pengamal bid'ah yang tegar. (2000: 7)

DEFINISI HADITH SAHIH

Ibn al-Şalah di dalam *Muqaddimah*nya menta'rifkan Hadith Sahih sebagai: Hadith Musnad yang bersambung sanadnya yang diriwayatkan oleh perawi yang *adil* yang bersifat *dābiṭ* daripada perawi yang *adil* yang bersifat *dābiṭ* hingga ke akhir sanad tanpa *shadh* dan *illah*. (1981:20) Al-Nawawiy di dalam *al-Taqrīb* mendefinisikan Hadith Sahih sebagai: Hadith yang bersambung sanadnya diriwayatkan oleh perawi-perawi yang *adil* lagi *dābiṭ* tanpa *shadh* dan *illah*. (1979. 1: 62)

Daripada dua definisi di atas, dapat disimpulkan bahawa hadith Sahih mempunyai lima syarat iaitu: (°Ajjaj al-Khatib.1989: 305) Pertama: Bersambung sanad, ini tidak termasuk hadith *al-Munqatf*, *al-Muqdal*, *al-Mu'allaq*, *al-Mudallas* dan lainnya yang tidak memenuhi kriteria syarat bersambung sanad. Kedua: Perawinya bersifat °adil. °Adil ialah orang yang berpegang teguh dengan agamanya, berakhlak baik, tidak melakukan perkara-perkara fasiq dan perkara-perkara yang mengurangkan muru'ah. Ketiga: Perawi hendaklah bersifat *dābit*. *Dābit* ialah keadaan seseorang perawi yang tidak lalai ketika menerima riwayat dan memahami apa yang didengarinya, ia menghafal riwayat tersebut ketika menerimanya hinggalah waktu ia meriwayatkannya kepada orang lain. Maksudnya ia menghafal serta mengetahui apa yang diriwayatkannya jika ia meriwayatkannya berdasarkan hafalannya, memahami riwayat tersebut sekiranya ia meriwayatkan secara makna, memelihara kitabnya daripada penyelewengan, bercampur aduk atau kekurangan sekiranya ia meriwayatkan hadith berpandukan kitabnya. Syarat ini telah mengecualikan daripada hadith yang diriwayatkan oleh orang yang bersifalalai dan banyak melakukan kesilapan. Keempat: Hendaklah hadith yang diriwayatkan itu tidak terdapat *shadh* iaitu meriwayatkan sesuatu hadith yang menyalahi hadith yang diriwayatkan oleh orang yang lebih thiqah daripadanya dan kelima: Tidak wujud °illah yang mencatatkan hadith seperti memursalkan hadith yang *mausūl*, atau memausulkan hadith yang *munqatf*, atau memarfukan hadith *mauqūf*.

PENGLASIFIKASIAN RIWAYAT-RIWAYAT SAHIH DI DALAM TAFSIR NURUL IHSAN

Yang dimaksudkan dengan riwayat-riwayat Sahih ialah setiap hadith *Asbab al-Nuzul* yang dikemukakan oleh Muhammad Sa'id menyamai lafaz dan makna atau makna sahaja dengan hadith-hadith yang sahih. Dalam riwayat-riwayat yang dikemukakan oleh Muhammad Sa'id, terdapat banyak hadith-hadith yang lafaznya tidak sama dengan hadith yang sahih. Kadang-kadang terdapat penambahan dari segi lafaz atau pengurangan yang tidak membawa perubahan dari segi makna. Keadaan ini berlaku disebabkan Muhammad Sa'id mengemukakan sesuatu riwayat dalam bentuk terjemahan. Kadang-kadang riwayat yang dikemukakan itu adalah gabungan antara riwayat yang dirujuk kepada *Tafsir al-Jalalayn* dan *Hashiah al-Jamal*. Contohnya Muhammad Sa'id mengemukakan riwayat yang menyebut nama individu sahabat yang terlibat, tetapi apabila dicari dalam hadith-hadith sahih, nama individu tersebut tidak ditemui. Ada ketikanya Muhammad Sa'id menyebut bilangan individu yang terlibat seperti lapan orang dan sebagainya, atau menyebut nama tempat, tetapi didalam riwayat-riwayat yang sahih, bilangan atau nama tempat tersebut tidak disebut. Sekiranya penambahan atau pengurangan tersebut tidak membawa perubahan dari sudut makna, riwayat-riwayat yang dikemukakan oleh Muhammad Sa'id ini akan dikategorikan dalam riwayat-riwayat *Asbab al-Nuzul* yang sahih.

RIWAYAT-RIWAYAT SAHIH ASBAB AL-NUZUL DI DALAM SURAH AL-BAQARAH

Terdapat lapan riwayat sahih dalam Surah al-Baqarah iaitu:

Pertama : Sebab Turun ayat 97 dinyatakan seperti berikut:

“Telah bertanya °Abdullah bin Suriyya satu ulama Yahudi akan Nabi s.a.w atau sayyidina °Umar daripada mereka yang bawa turuh wahyu, siapa ia daripada malaikat? Maka kata Nabi: ia Jibril. Maka kata °Abdullah: iaitu aduwwuna (seteru kami) bawa datang azab dan jika ia mikail nescaya kami beriman kerana ia bawa datang dengan khisb (خصب) kemurahan dengan hujan dan tumbuh tumbuhan dan selamat. Maka turun.(1391: 31). Kenyataan ini bersamaan dengan Tafsir *al-Jalālayn* (2002. 24)

Riwayat ini bersumberkan Al-Wāhidiy (2003. 32) di dalam *Asbāb al-Nuzūl* dan al-Baghawiy di dalam *Māʾālim al-Tanzīl* (1955. 1: 84). Di dalam Saḥīḥ al-Bukhāriy menjelaskan bahawa lelaki tersebut adalah ʿAbdullah bin Salām. (1986. 8: 15) Manakala didalam hadith yang diriwayatkan oleh al-Tirmidhi, (1990. 8: 431: 3322) Imam Ahmad bin Hanbal, (2009 5: 416: 2384) dan al-Tabraniy di dalam *al-Muʿjam al-Kabir* (1983 10: 192: 12259) pula menceritakan bahawa yang bertanya Nabi s.a.w itu ialah sekumpulan Yahudi tanpa mengaitkan mana-mana individu seperti ʿAbdullah bin Suriyya atau ʿAbdullah bin Salam.

Ibn Hajar mengkritik riwayat ini dengan katanya: Amat pelik apabila al-Wāhidiy meyakini bahawa hadith ini diriwayatkan daripada Ibn ʿAbbās sedangkan jalurnya ḍaʿīf. Riwayat ini merupakan tafsiran daripada ʿAbd al-Ghaniy bin Saʿīd al-Thaqafiy. Aku telah jelaskan bahawa beliau “*Hālik*”. (Al-ʿAsqalāniy. 2002. 1: 297) Hadith yang diriwayatkan oleh al-Imam al-Bukhariy pula tidak menunjukkan sebab turun ayat kerana perawi hadith iaitu Anas bin Malik menggunakan ungkapan “فقرأ هذه الآية”. Ibn Hajar al-ʿAsqalāniy menjelaskan: “Zahir ungkapan perawi menunjukkan bahawa Nabi s.a.w membaca ayat ini untuk menolak dakwaan Yahudi. Ini tidak menunjukkan bahawa ayat tersebut diturunkan pada masa itu. Inilah yang muktamad”. (Al-ʿAsqalāniy. 1986. 8: 16) Adapun hadith yang diriwayatkan oleh al-Tirmidhiy, Imam Ahmad dan al-Tabraniy pula adalah melalui jalur Bukair bin Shihāb daripada Saʿīd bin Jubayr daripada Ibn ʿAbbās. Setelah menyebut hadith ini dan hadith-hadith al-Ṭabariy, Ibn Ḥajar berkata: “Keseluruhan jalur-jalur periwayatan ini mengukuhkan antara satu sama lain. Ini membuktikan bahawa kisah pertemuan Nabi s.a.w dengan yahudi-yahudi ini menjadi penyebab turunnya ayat dan bukannya kisah ʿAbdullah bin Salam. (Al-ʿAsqalāniy. 1986. 8: 16) Oleh itu riwayat ini adalah muktamad sebagai sebab turun ayat kerana ungkapan terakhirnya sarih menunjukkan sebab turun iaitu: فأنزل الله عزوجل dan juga hadith ini dinilai hasan oleh Shaikh al-Albāniy didalam *Silsilah al-Aḥādith al-Ṣaḥīḥah*. (1995. 4: 493)

Kedua : Sebab turun Ayat 158 dinyatakan:

“Turun ayat ini tatkala benci orang muslimin akan demikian itu saʿi kerana orang jahiliyyah saʿi mereka itu dengan keduanya dan atas kedua itu dua berhal, sapu mereka itu akan keduanya dengan tangan kerana mengambil berkat” (1391.1: 49). Kenyataan ini bersamaan dengan Tafsir *al-Jalālayn* (2002. 33)

Riwayat ini bersumberkan al-Bukhariy (1986. 8: 24) Muslim (T.th. 6: 374) dan Imām Aḥmad (2009. 51: 117: 23960) Hadith yang dikemukakan oleh Muhammad Saʿīd adalah sahih dan bertepatan dengan siyaq al-ayat, ia menjadi hujah bagi sebab turun ayat. Berdasarkan hadith yang telah dikemukakan di atas, ayat ini diturunkan kepada golongan al-Ansar yang telah beranggapan bahawa tawaf antara Safa dan Marwah adalah amalan jahiliyyah. Lalu Allah menurunkan ayat ini sebagai penjelasan terhadap kekeliruan tersebut. Penggunaan ungkapan yang *sarih* oleh perawi iaitu “فأنزل الله” menunjukkan ayat ini diturunkan kerana peristiwa tersebut. Hadith di atas bukan sekadar menjelaskan sebab turun ayat, bahkan untuk merungkai kekeliruan tentang salah faham maksud ayat seperti yang berlaku kepada ʿUrwah bin al-Zubayr. Pada mulanya beliau menganggap ayat ini menunjukkan tawaf dan saʿi tidak wajib ketika menunaikan haji dan umrah, setelah diberi penjelasan oleh ʿAishah r.a, barulah beliau faham bahawa ayat ini hendak menerangkan tawaf dan saʿi adalah syariʿat Islam, bukan meniru perbuatan jahiliyyah.

Ketiga : Sebab turun ayat 187 dinyatakan:

“Turun ayat ini menegah bagi mereka yang keluar ia daripada masjid dan ia Iktikaf, maka jima’ akan isterinya dan balik iktikaf pula” (1391. 1: 59). Kenyataan ini bersamaan dengan Tafsir *al-Jalālayn*. (2002. 187)

Riwayat ini bersumberkan Ibn Abi Hātim daripada jalur Abu Ṣālih daripada Mu‘āwiyah bin Ṣālih daripada ‘Ali bin Abi Ṭalḥah daripada Ibn ‘Abbās. Jalur ini merupakan jalur Tafsir yang paling sahih daripada Ibn ‘Abbās. Imam al-Bukhāriy berpegang dengan jalur ini ketika meriwayatkan *ḥadith Mu‘allaq* daripada Ibn ‘Abbās di dalam kitab Sahihnya. Bahkan al-Ṭabariy dan Ibn Abi Hātim juga banyak menukikan riwayat Ibn ‘Abbās melalui jalur ini. (Al-Khālidīy. 2012. 249) Al-Ṭabariy (1984. 2: 180) juga meriwayatkan ḥadith ini daripada tiga jalur iaitu; Pertama: Sufyan bin Wakī‘ bin al-Jarrāḥ. Imam al-Bukhāriy berkata: Mereka mempertikaikan Sufyān kerana beberapa perkara yang pernah mereka ajarkan kepadanya. Abu Zur‘ah berkata: Beliau ditohmah sebagai pendusta. Ibn Abi Hātim menceritakan bahawa bapanya pernah menasihati Sufyān supaya menukar pekerja yang menyediakan kertas untuk catitannya kerana dia telah merosakan ḥadith. Bapa Ibn Abi Hātim berkata kepadanya: Kamu jangan riwayatkan ḥadith kecuali daripada tulisan yang asal. Sufyān mengakuinya tetapi selepas itu dia tetap dengan sikapnya dan terus meriwayatkan ḥadith yang telah bercampur aduk dengan catitan asalnya. (Al-Dhahabīy. 1995. 3: 249) Kedua: Al-Muthanna bin Ibrahim yang tidak ditemui biodatanya seperti yang diakui oleh Akram bin Muhammad Ziyādah al-Falurjiy di dalam *Mufjam Shuyūkh al-Ṭabariy*. (Al-Falurjiy. 2005. 433) dan ketiga: Juwaibir bin Sa‘id al-Azdiy Abu al-Qāsim al-Balakhīy. Beliau dinilai *ḍā‘if Jiddan*. (Al-‘Asqalaniy. 1997. 1: 139: 1089) Ḥadith Ibn Abi Hātim adalah sahih. Tetapi tidak jelas menunjukkan sebab turun ayat. Ungkapan perawi iaitu Ibn ‘Abbas yang menyebut: “هذا في الرجل يعتكف في المسجد” “ayat ini berkaitan dengan hukum lelaki yang beri’tikaf di masjid” ia bermaksud masalah ini termasuk didalam hukum ayat atau tafsiran.

Keempat : Sebab Turun Ayat 197 dinyatakan:

“Dan turun pada Ahli Yaman dan adalah mereka itu pergi haji dengan tiada bawa bekal tawakkal atas manusia sahaja” (1391. 1: 63). Kenyataan ini bersamaan dengan Tafsir *al-Jalālayn* (2002.40).

Riwayat ini bersumberkan al-Bukhāriy (1986. 3: 449: 1523) dan Abu Dāwud (1990. 3: 107). Ḥadith di atas dijadikan sebagai hujah oleh mufasssirin seperti al-Ṭabariy (1984. 2: 278), al-Baghawiy (1955. 1: 183), Ibn kathir (1988. 1: 227), al-Qurṭubiy (1988. 1: 273) dan al-Shaukāniy (T.th. 1: 201) terhadap sebab turun ayat 197 ini. Ḥadith diatas sahih dan ungkapan perawi iaitu Ibn ‘Abbas adalah ṣarih menunjukkan sebab turun ayat. Al-Ṭabariy berkata: Berbekallah kamu dengan makanan yang boleh menyampaikan tujuan kamu untuk menunaikan fardu haji, sesungguhnya tiada kebaikan bagi Allah apabila kamu meninggalkan bekalan makanan kemudian meminta-minta kepada manusia. (1984. 2: 281) Al-Baghawiy menjelaskan: Ayat ini diturunkan kepada Ahli Yaman yang keluar menunaikan haji tanpa membawa bekalan. Mereka berkata: Kami bertawakkal, kami menunaikan haji di Baitullah, kenapa pula Allah tidak memberi makanan kepada kami? Tetapi apabila mereka sampai di Mekah, mereka meminta-minta kepada manusia. (Al-Baghawiy. 1955. 1: 183) Al-Qurṭubiy berkata: Yang di maksudkan dengan bekalan ialah makanan seperti ḥadith yang diriwayatkan oleh al-Bukhariy. (1988. 1: 273) Al-Shaukāniy menegaskan: Maksud “وتزودوا” ialah perintah daripada Allah supaya menyediakan bekalan untuk menunaikan haji kerana sebahagian orang arab berkata: Bagaimana kami mungkin menunaikan haji sedangkan Allah tidak memberi makan kepada kami? Lalu mereka pergi menunaikan haji tanpa membawa bekalan dan mereka berkata: Kami bertawakkal kepada Allah S.W.T. Ada pendapat mengatakan maksudnya: berbekallah kamu untuk hari kemudian dengan melakukan

amalan-amalan yang salih. Pendapat pertama lebih rajih menunjukkan sebab turun ayat. (Al-Shaukāniy. 1983. 1: 201) Tetapi ungkapan yang digunakan oleh Muhammad Sa'id seolah-olah tidak jelas menunjukkan sebab turun ayat. Kerana ungkapan "dan turun Pada" (نزلت في كذا) kadang-kadang bermaksud tafsiran ayat. Ayat ini diturunkan kerana sebab yang dijelaskan oleh Ibn 'Abbās dalam hadith yang diriwayatkan oleh al-Bukhāriy berkaitan Orang-orang Yaman yang enggan menyediakan bekalan ketika menunaikan haji. Oleh itu hadith al-Bukhariy daripada Ibn 'Abbās di atas adalah sesuai dengan siyaq al-ayat dan hujah bagi sebab turun ayat 197 ini. Al-Mahlab berkata: Difahami daripada hadith ini bahawa tidak meminta-minta kepada manusia adalah sebahagian daripada taqwa dan diperkukuhkan lagi bahawa Allah memuji orang-orang tidak yang meminta kepada manusia secara mendesak. Maka firman Allah ini bermaksud: Berbekallah kamu dan jauhilah diri daripada disakiti oleh manusia lain dengan sebab perbuatan kamu yang suka meminta-minta, perbuatan meminta-minta adalah satu dosa. (Al-Asqālāniy. 1986. 3: 449)

Kelima : Sebab Turun Ayat 198 dinyatakan:

"Turun ini ayat menolak bagi benci muslimin akan berniaga dalam kerja haji" (1391. 1: 63). Kenyataan ini bersamaan dengan Tafsir *al-Jalālayn* (2002. 40)

Riwayat ini bersumberkan al-Bukhāriy: (1986. 3: 694), Abu Dāwud. (1990. 3: 108), al-Baihaqiy. (2003. 4: 334), Ibn Hibbān. (1952. 16: 292: 3968) dan Ibn Khuzaimah. (2003. 4: 351: 3054) Hadith diatas adalah sahih dan jelas menunjukkan sebab turun ayat. Ia diperkukuhkan lagi dengan hadith yang juga diriwayatkan oleh al-Bukhāriy: (1986. 8: 34: 4519)

حدثني محمد قال أخبرني ابن عيينة عن عمرو عن ابن عباس رضي الله عنهما قال كانت عكاظ ومجنة وذو الحجاز أسواقا

في الجاهلية فتأثموا أن يتجروا في المواسم فنزلت { ليس عليكم جناح أن تبتغوا فضلا من ربكم } في مواسم الحج

Maksudnya: *Daripada Ibn 'Abbas r.a. berkata: Adalah 'Ukkaz, Majannah dan Dhu al-majaz merupakan pasar di zaman jahiliyyah, orang-orang Islam merasa bersalah untuk berniaga pada musim-musim tertentu, maka turunlah ayat (yang bermaksud): "Tidaklah menjadi salah kamu mencari limpah kurnia dari tuhan kamu" pada musim haji"*.

Terdapat hadith lain yang menjelaskan sebab turun ayat ini diriwayatkan oleh Abu Dāwud (1990. 3: 109), al-Baihaqiy. (2003. 4: 333), al-Dāraquṭniy. (2011. 7: 35: 2784), Ibn Khuzaimah. (2003. 4: 350: 3051), Imam Aḥmad. (2009. 13: 183: 6146), Ibn Abi Shaibah. (2004. 3: 863: 15371) Lafaz Abu Dāwud seperti berikut:

حدثنا مسدد حدثنا عبد الواحد بن زياد حدثنا العلاء بن المسيب حدثنا أبو أمامة التيمي قال كنت رجلا أكره في هذا

الوجه وكان ناس يقولون لي إنه ليس لك حج فلقيت ابن عمر فقلت يا أبا عبد الرحمن إني رجل أكره في هذا الوجه

وإن ناسا يقولون لي إنه ليس لك حج فقال ابن عمر أليس تحرم وتلي وتطوف بالبيت وتفويض من عرفات وترمي الجمار

قال قلت بلى قال فإن لك حجاً جاء رجل إلى النبي صلى الله عليه وسلم فسأله عن مثل ما سألتني عنه فسكت عنه

رسول الله صلى الله عليه وسلم فلم يجبه حتى نزلت هذه الآية { ليس عليكم جناح أن تبتغوا فضلا من ربكم } فأرسل

إليه رسول الله صلى الله عليه وسلم وقرأ عليه هذه الآية وقال لك حج

Maksudnya: *Abu Umamah al-Taimiy berkata: Aku telah menyewa kenderaanku untuk membawa orang-orang haji, orang ramai berkata kepada aku. Kamu tidak memperolehi apa-apa daripada ibadat haji ini. Aku pun pergi berjumpa Ibn 'Umar dan bertanya: Wahai Abu 'Abd al-Rahman! Aku adalah penyewa kenderaan untuk membawa orang-orang haji, orang ramai berkata kepada aku: Kamu tidak mendapat apa-apa daripada ibadat haji. Ibn 'Umar bertanya: Adakah kamu berniat ihram, bertalbiah, tawaf di Baitullah, berwukuf di 'Arafah dan melontar Jamrah? Ia berkata: Aku menjawab: Ya! Ibn 'Umar pun berkata: Kamu mendapat haji yang kamu lakukan. Seorang lelaki pernah datang bertemu Nabi s.a.w*

dan bertanya soal yang sama dengan kamu, lalu Rasulullah s.a.w diam tidak menjawab sehingga diturunkan ayat ini (yang bermaksud): “Tidaklah menjadi salah, kamu mencari limpah kurnia dari Tuhan kamu (dengan meneruskan perniagaan ketika mengerjakan Haji)”. Kemudian Rasulullah s.a.w mengutuskan seseorang membaca ayat ini kepadanya dan berkata: Kamu mendapat haji yang kamu kerjakan.

Hadith ini dinilai sahih oleh al-Shaikh al-Albāniy di dalam *Sahih Abu Dawud (al-Kitab al-Umm)* (2002, 5: 415: 1523) Di sini terdapat dua hadith yang memberi maksud yang berbeza. Kedua-dua hadith ini adalah sahih. Persoalannya, apakah perlu ditarjihkan hadith Ibn ‘Abbās kerana ia diriwayatkan oleh Imam al-Bukhāriy atau hadith Ibn ‘Umar yang diriwayatkan oleh Abu Dawud, al-Baihaqiy, al-Dāraqutniy, Ibn Khuzaimah, Imam Ahmad dan Ibn Abi Shaibah? Ungkapan Ibn ‘Abbās “Maka turun”, bukan menunjukkan sebab turun seperti yang diistilahkan oleh ulama yang membawa maksud turunnya ayat ketika berlakunya sesuatu peristiwa atau turunnya ayat sebagai menjawab pertanyaan. Tetapi maksud Ibn ‘Abbās ialah mengumpulkan antara berniaga dan ibadat haji adalah merangkumi hukum yang terdapat dalam ayat. Ia adalah sesuatu yang diizinkan oleh Allah. Manakala hadith Ibn ‘Umar pula amat jelas menunjukkan bahawa ayat ini diturunkan lantaran pertanyaan Abu Umamah. Dalam lafaz hadith Ibn ‘Umar menyebut: “Rasulullah s.a.w diam tidak menjawab sehingga diturunkan ayat”. Pernyataan Ibn ‘Umar ini menunjukkan bahawa peristiwa yang diceritakan dalam hadithnya itu adalah sesuatu yang *qat‘i* menjadi penyebab turunnya ayat. Oleh itu hadith Ibn ‘Umar ditarjihkan sebagai sebab turun ayat 198 Surah al-Baqarah ini.

Keenam : Sebab turun ayat 217 dinyatakan:

“Dan menyuruh oleh Nabi s.a.w awal tenteranya mula angkatan peperangan lapan orang laki-laki, amir atasnya ‘Abdullah bin Jahsh anak ammahnya. Maka berperang mereka itu akan kafir musyrikin empat orang bunuh seorang nama ‘Amr ibn al-Ḥaḍramiy dan ditawannya dua orang dan lari seorang pada akhir haribulan Jamadil akhir dan kesamaran atas mereka itu dengan Rejab, maka mengkeji akan mereka itu oleh kuffar dengan menghalalnya, maka turun” (1391.1: 69). Kenyataan ini bersamaan dengan Tafsir *al-Jalālayn*. (2002. 43)

Riwayat ini bersumberkan daripada al-Nasā’i di dalam *Sunan al-Kubra*, (1991. 5: 249) al-Baihaqiy di dalam *Sunan al-Kubra*, (2003. 9: 11) al-Ṭabraniy di dalam *al-Mufjam al-Kabīr*, (1983. 2: 162: 1648) Abu Ya‘la al-Mūṣiliy di dalam musnad, kesemuanya daripada Jundub bin ‘Abdullah. (1984. 3: 102: 1501) Al-Ṭabariy meriwayatkan kisah ini dengan menyebut jumlah sahabat yang diutuskan oleh Rasulullah s.a.w seramai lapan orang iaitu menyamai riwayat yang disebut oleh Muhammad Sa‘id. (Al-Ṭabariy. 1984. 2: 347) Hadith ini dikemukakan oleh Mufasssirun seperti al-Ṭabariy, (1984. 2: 347) Ibn Kathīr, (1988. 1: 240) al-Qurṭubiy. (1988. 2: 29) dan al-Shaukāniy. (T.th. 1: 219) Al-Ṭabariy berkata: Tidak ada khilaf dikalangan Ahli Ta‘wil bahawa ayat ini diturunkan kepada Rasulullah s.a.w kerana pembunuhan Ibn al-Ḥaḍramiy. (1984. 1: 347) Al-Qurṭubiy pula setelah mengemukakan beberapa riwayat beliau mengulas: Pendapat yang mengatakan ayat ini diturunkan terhadap kisah ‘Abdullah bin Jaḥsy adalah lebih banyak dan masyhur. (Al-Qurṭubiy. 1988. 2: 29) Hadith al-Ṭabraniy dinilai sahih oleh Ibn Hajar al-‘Asqalaniy di dalam *al-‘Ujāb fi Bayān al-Asbāb*. (Al-‘Asqalaniy. 2002. 1: 537) Al-Haithamiy berkata; semua perawi yang diriwayatkan oleh al-Ṭabrāniy adalah *Thiqah*. (1412.6: 294) Hadith al-Ṭabariy pula kesemua perawinya adalah *ṣahih* kecuali Ibn Humayd (Muhammad bin Humayd bin Ḥayyan al-Tamimi, Abu ‘Abdullah al-Razi). Ya‘qub bin Shaibah berkata: Banyak hadith *Munkar*. Al-Bukhāriy berkata: Di pertikaikan. Dinilai dusta oleh Abu Zur‘ah. (Al-Dhahabiy. 1995. 6: 126: 7459) Ibn Hajar berkata: Beliau adalah seorang al-Hafiz ḍa‘īf. Yahya Ibn Ma‘īn berpandangan

baik tentangnya. (Al-[◌]Asqalaniy. 1997. 2: 165: 6543) Hadith al-Ṭabrāniy adalah sahih, Lafaz perawi juga jelas menunjukkan sebab turun ayat dan Mufasssirun seperti al-Ṭabariy, Ibn Kathīr, al-Qurṭubiy dan al-Shaukāniy mentarjikhkannya sebagai sebab turun ayat.

Ketujuh : Sebab Turun Ayat 272 dinyatakan:

“Dan tatkala menegah Nabi s.a.w daripada sedekah kepada kafir mushrikin supaya Islam mereka itu turun”. (Tafsir Nurul Ihsan 1391. 1: 95). Kenyataan ini bersamaan dengan Tafsir *al-Jalālayn* (2002. 55).

Riwayat ini bersumberkan Al-Nasā’i di dalam *al-Sunan al-Kubra* daripada jalur Muhammad bin [◌]Abdullah bin [◌]Abd al-Rahīm daripada Muhammad bin Yusuf al-Firyābiy daripada Sufyān al-Thauriy daripada Sulaiman al-A[◌]mash daripada Ja[◌]far bin Iyyās daripada Sa[◌]īd bin Jubayr daripada Ibn [◌]Abbās. Kesemua perawinya adalah thiqah, (2001. 6: 306) al-Baihaqiy di dalam *al-Sunan al-Kubra* (2003. 4: 191) dan al-Hākim di dalam *al-Mustadrak*: (2002. 7: 256: 3084) daripada jalur Abu [◌]Abdullah al-Hafiz daripada Abu Bakr al-Shāfi[◌] daripada Muhammad bin Ghalib daripada Abu Hudhaifah daripada Sufyān al-Thauriy daripada Ja[◌]far bin Iyyās daripada Sa[◌]īd bin Jubayr daripada Ibn [◌]Abbās. Kesemua perawinya adalah thiqah, al-Ṭabrāniy di dalam *al-Mufjam al-Kabīr* daripada jalur [◌]Abdullah bin Muhammad bin Sa[◌]īd bin Abi Maryam. (1983.10: 201: 12283) Beliau adalah ḍa[◌]īf. Ibn Hajar berkata di dalam *Lisān al-Mīzān*: Ibn [◌]Adiy menjelaskan bahawa [◌]Abdullah meriwayatkan hadith-hadith *ba[◌]īl* daripada al-Firyābiy. (Al-[◌]Asqālāniy.2002. 2: 59) Ibn Abi Shaibah di dalam *Muṣannaf* secara mursal (2004. 3: 177: 10499 & 10500) dan al-Bazzar di dalam *Musnad* daripada Ibn [◌]Abbas. (1988. 2: 188: 5042) Hadith al-Ṭabrāniy dihukum ḍa[◌]īf oleh al-Haithamiy kerana gurunya [◌]Abdullah bin Muhammad bin Sa[◌]īd bin Abi Maryam adalah ḍa[◌]īf. Adapun hadith al-Bazzar kesemua perawinya adalah thiqah. (Al-Haithamiy. 1412, 7:43) Hadith al-Nasā’i dan al-Baihaqiy diriwayatkan dengan sanad yang sahih dan hujah bagi sebab turun ayat lantaran ungkapan yang jelas daripada perawi dan juga bersesuaian dengan siyaq al-ayat.

ULASAN AL-SHAIKH AL-ALBĀNIY TERHADAP HADITH IBN ABI SHAIBAH (AL-ALBĀNIY. 1996. 6:1: 268-269: 2766)

Sanadnya Mursal seperti yang terdapat di dalam *Naṣb al-Rāyah*, perawi-perawinya adalah thiqah dan merupakan perawi *Kutub al-Sittah* kecuali Ash[◌]ath. Beliau ialah Ibn Ishāq bin Sa[◌]d bin Malik al-Ash[◌]ariy al-Qummiy dan Ja[◌]far ialah Ibn Abi al-Mughīrah al-Khuzā[◌]i al-Qummiy. Beliau disifatkan sebagai “*ṣadūq lahu awhām*” seperti yang disebut di dalam *al-Khalāṣah* dan *al-Taqrīb*. Sementara perawi-perawi yang sebelumnya adalah *Thiqah*. Perawi yang meriwayatkan hadith daripada Ash[◌]ath ialah Jarir Ibn [◌]Abd al-Ḥamid yang merupakan perawi *Kutub al-Sittah*. Al-[◌]Asqālāniy mengkritiknya di dalam *al-Taqrīb* dengan “*Thiqah Ṣahih al-Kitāb*”, dikatakan beliau keliru dengan hafalannya diakhir hayatnya. Terdapat *Mutāba[◌]āt* [◌]Abdullah bin Sa[◌]d al-Dashtakiy daripada jalur yang sama hingga kepada Ibn [◌]Abbas:

حدثنا أشعث بن إسحاق عن جعفر بن أبي المغيرة عن سعيد بن جبير عن ابن عباس عن النبي صلى الله عليه وسلم :
أنه كان يأمر بأن لا يتصدق إلا على أهل الإسلام حتى نزلت هذه الآية : (ليس عليك هداهم) إلى آخرها ، فأمر
بالصدقة بعدها على كل من سألك من كل دين

Maksudnya: *Daripada Ibn [◌]Abbas daripada nabi s.a.w: Bahawa Baginda s.a.w memerintahkan supaya tidak bersedekah kecuali terhadap orang-orang Islam sehingga turun ayat: “Tidaklah engkau diwajibkan (wahai Muhammad) menjadikan mereka (yang kafir) mendapat pertunjuk” hingga akhir ayat. Selepas itu Baginda memerintahkan supaya*

bersedekah kepada sesiapa sahaja yang meminta-minta kepada kamu daripada semua agama.

Hadith ini disokong dengan hadith al-Bukhāriy dan Muslim:

حدثنا عبيد بن إسماعيل حدثنا أبو أسامة عن هشام عن أبيه عن أسماء بنت أبي بكر رضي الله عنهما قالت قدمت علي أمي وهي مشركة في عهد رسول الله صلى الله عليه وسلم فاستفتيت رسول الله صلى الله عليه وسلم قلت وهي راغبة أفأصل أمي قال نعم صلي أمك

Maksudnya: *Daripada Asma' bint Abi Bakr r.a berkata: Ibuku datang kepadaku ketika masa Rasulullah s.a.w dan dia adalah mushrik, aku pun meminta fatwa daripada rasulullah s.a.w, aku berkata: "Ibuku gemar kepada kebaikanmu terhadapnya, adakah patut aku hubungkan silaturrahim ini? Nabi s.a.w menjawab: "Ya, sambunghlah hubungan dengan ibumu".*

(Al-Bukhariy.1986. 5: 275: 2620 dan Muslim. 1421h/ 2000m. 5: 172)

Hadith-hadith di atas menunjukkan tentang keharusan bersedekah kepada orang-orang kafir dan Mushrik. Kerana itulah Imam al-Bukhāriy meletakkan hadithnya dibawah bab "*al-Hadiyyah li al-Mushrikīn*". Al-Qurṭubiy menjelaskan: "Ulama kami berpendapat bahawa sedekah yang diharuskan dalam hadith ini hanyalah sedekah sunat, adapun sedekah wajib, tidak harus diberi kepada orang kafir. Al-Mahdawi berpendapat: Diberi keringanan untuk bersedekah wajib kepada kaum kerabat yang kafir berdasarkan ayat: "ليس عليك هداهم.....الآية". Ibn 'Aṭiyyah menjawab: Ijma' menolak pendapat tersebut. (Al-Qurṭubiy. 1988. 2: 219) Imam al-Zuhriy, Abu Hanifah dan Ibn Shubrimah berpendapat harus membayar zakat fitrah kepada orang kafir *dhimmiy* berdasarkan ayat: (Ibrāhīm Abu Shādiy.2007. 213)

لَا يَنْهَيْكُمْ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ لَمْ يُقْتُلُواكُمْ فِي الدِّينِ وَوَلَدَيْكُمْ وَمَنْ يُخْرِجُكُمْ مِنْ دِيَارِكُمْ أَنْ تَبَرُّوهُمْ وَتُقْسِطُوا إِلَيْهِمْ ۗ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ
Maksudnya: *Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama (kamu) dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu, sesungguhnya Allah mengasihani orang-orang yang berlaku adil.*

(Al-Qur'an: Al-Mumtaḥanah: 60: 8)

Shaikh al-Albāniy berkata: Ayat ini tidak menunjukkan keharusan membayar zakat kepada orang kafir. Secara zahirnya ayat ini menyatakan keharusan berbuat baik terhadap mereka seperti memberi sedekah yang tidak wajib. (Ibrahim Abu Shādiy.2007. 214)Al-Ḥasan al-Baṣriy berpendapat: Ahl al-Dhimmah tidak mempunyai hak terhadap sesuatu yang wajib kecuali jika terdapat muslim yang secara sukarela memberi sumbangan kepada mereka. Inilah hukum yang ditetapkan oleh syara' terhadap kafir *dhimmiy* yang menjadi amalan para Salaf. Tidak pernah berlaku di zaman Sahabat, mereka mengeluarkan zakat fitrah dan disedekahkan kepada orang kafir. (Ibrahim Abu Shādiy. 2007. 214) Ibn al-ʿArabiyy menegaskan: Tidak ada khilaf tentang keharusan membayar zakat fitrah kepada muslim yang ʿāṣiy kecuali jika ia meninggalkan rukun Islam seperti sembahyang dan puasa sehingga ia bertaubat. (Al-Qurṭubiy. 1988. 2: 219)

Kelapan : Sebab turun ayat 286 dinyatakan:

"Dan tatkala turun "وإن تبدوا...الخ" itu, mengadu segala mu'minin daripada was-was dan mashaqqah atas mereka itu muhasabah itu kepada Rasulullah, maka turun" (Tafsir Nurul Ihsan 1391.1: 100). Kenyataan ini bersamaan dengan Tafsir *al-Jalālayn* (2002. 58).

Riwayat ini bersumberkan Muslim, (T.th. 1: 115) Imam Aḥmad di dalam *Musnad*, (2009.19: 19) Ibn Ḥibban (1952. 1: 415) dan al-Baihaqiy di dalam *Shu'ab al-Imān*. (1423. 4: 65) Inilah hadith yang dijadikan hujah oleh majoriti Mufasssirin terhadap sebab turun ayat ini seperti al-Ṭabariy (1984. 3: 143), al-Baghawiy (1955. 1: 310), Ibn ʿAtiyyah (2001. 1: 391), al-Qurṭubiy (1988. 2: 274) dan Ibn Kathīr (1988. 1: 319)

Ibn ʿAtiyyah berkata: Sebab turun ayat ini ialah ketika turunnya ayat:

لَلّٰهُ مَا فِي السَّمٰوٰتِ وَمَا فِي الْاَرْضِ وَاِنْ تُبَدُّوْا مَا فِيْ اَنْفُسِكُمْ اَوْ تُخْفُوْهُ يُحٰسِبِكُمْ بِهٖ اللّٰهُ فَيَعْفُوْا لِمَنْ يَّشَآءُ وَيُعَذِّبُ مَنْ يَّشَآءُ
وَاللّٰهُ عَلٰى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيْرٌ

(Al-Qur'an: al-Baqarah: 2: 284)

Nabi s.a.w dan para Sahabat r.a merasa berat. Selepas itu lahirlah pengakuan daripada mereka: “Kami dengar dan kami patuh”, mereka tunduk dan patuh serta akur terhadap perintah Allah. Hasil daripada ketaatan ini, Allah memberi dua anugerah kepada mereka iaitu pujian Allah dan menghilangkan kesulitan dan kepayahan yang Allah wajibkan ke atas mereka sebelum ini. Inilah hasil ketaatan dan kepatuhan terhadap Allah. Lihatlah! Apa yang sebaliknya berlaku kepada bani Isra'īl. Apabila mereka berkata: “Kami dengar dan kami ingkar”, lalu Allah turunkan kepada mereka kesulitan, kehinaan, kemiskinan dan pengusiran. Inilah hasil yang diperolehi bagi mereka yang ingkar dengan perintah Allah. (Ibn ʿAtiyyah. 2001. 1: 391) Oleh itu, hadith Abu Hurairah ini menjadi sebab turun bagi ayat di atas kerana sanadnya sahih, ungkapan perawi adalah jelas menunjukkan sebab turun ayat dan Mufasssirin juga berhujah dengannya.

PENUTUP

Berdasarkan perbincangan yang dikemukakan di atas didapati bahawa Haji Muhammad Sa'id menukilkan keseluruhan riwayat-riwayat Asbab al-Nuzul daripada Tafsir al-Jalalayn. Kesemua riwayat-riwayat tersebut dikemukakan secara mafhum tanpa disertai dengan matan hadith. Secara keseluruhannya, riwayat-riwayat yang dikemukakan oleh Haji Muhammad Sa'id boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu *Asbab al-Nuzul* yang bertepatan dengan konteks ayat dan kedua *Asbab al-Nuzul* yang tidak bersesuaian dengan konteks ayat. Yang bertepatan dengan konteks ayat ialah Asbab al-Nuzul bagi ayat 97, ayat 158, ayat 197, ayat 198, ayat 217, ayat 272 dan ayat 286. Terdapat satu riwayat yang tidak sesuai dengan konteks ayat iaitu sebab turun bagi ayat 187.

RUJUKAN

Al-Qur'an al-Karim.

ʿAbdullah bin Muhammad Basmeih. *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Qur'an*. Ctk-12. 1995. Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri. Kuala Lumpur.

Abu Dawud. Sulaiman bin al-Ash'ath bin Ishaq bin Bashir bin Shaddād bin ʿAmr al-Azdiy al-Sijistāniy. 1990m/1410h.. *Sunan Abu Dāwud*. Cet ketiga. Dar al-Kutub al-ʿIlmiyyah, Bairut – Lubnan.

Abu Ya'la al-Musiliy. Ahmad bin ʿAli bin al-Muthanna al-Tamimiy. 1989. *Musnad*. Dar al-Ma'mun li al-Turath. Tahqiq: Husayn Sulaim Asad.

Al-Albaniy. Abu ʿAbd al-Rahman Muhammad Nasir al-Din bin Nuh Najatiy bin Adam. 1995m/1415h. *Silsilah al-Ahadith al-Sahihah wa Shai' min Fiqhiha wa Fawaiduha*. . Cet kedua. Maktabah al-Ma'arif li al-Nashr wa al-Tauzi'.

- Al-Albāniy. Abu ʿAbd al-Raḥmān Nāṣir al-Dīn bin Nuḥ Najatīy bin Ādam. 1998M/1419H. *Ṣaḥīḥ wa Ḍaʿīf Sunan Abu Dāwūd*. Cet pertama. Riyad: Maktabah al-Maʿārif.
- Ahmad bin Hanbal al-Shaibaniy. 1983M/1403H.. *Musnad al-Imam Ahmad bin Hanbal*. Cet kedua. Jāmiʿah Umm al-Qura.
- Al-ʿAsqalaniy. Ahmad bin ʿAli bin Hajar. 1986M/1407H. *Fath al-Bari bi Sharh Sahih al-Bukhariy*. Dar al-Rayyan li al-Turath.
- Al-ʿAsqalaniy. Ahmad bin ʿAli bin Hajar Abu al-Fadl. 1406H/1986M *Lisan al-Mizan*. Cet ketiga. Muassasah al-ʿAlamiy li al-Matbuʿah, Bairut.
- Al-ʿAsqalaniy. Ahmad bin ʿAli bin Hajar. 1997M/1418H. *Al-ʿUjab fi Bayan alAsbab*. Cet pertama. Al-Mamlakah al-ʿArabiyyah al-Saʿūdiyyah: Dār Ibn al-Jauziy. Tahqiq: ʿAbd al-Ḥakīm Muḥammad al-Unays.
- Al-Baghawiy. Abu Muḥammad al-Ḥusayn bin Masʿūd al-Farraʿ. 1955M/1375H. *Maʿālim al-Tanzīl*. Cet kedua. Misr: Maktabah wa Maṭbaʿah Muṣṭafa al-Babiy al-Ḥalabiy wa Awlādih.
- Al-Baihaqiy. Ahmad bin al-Husayn bin ʿAli bin Musa, Abu Bakr. 2003M/1424H. *Sunan al-Baihaqiy*. Cet ketiga. Dar al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- Al-Baihaqiy. Ahmad bin al-Husayn bin ʿAli bin Musa. Abu Bakr. 2003M/1423H. *Shuʿab al-Iman*. Cet pertama. Riyaḍ: Maktabah al-Rushd. Tahqiq: Mukhtar Ahmad al-Nadawiy, ʿAbd al-ʿAliy ʿAbd al-Hamid Hamid.
- Al-Bazzar. Abu Bakr Aḥmad bin ʿAmr bin ʿAbd al-Khāliq al-ʿAtkiy. 1988M/1409H. *Al-Baḥr al-Zakḥkhār al-Maʿrūf bi Musnad al-Bazzār*. Cet pertama. Al-Madinah al-Munawwarah: Maktabah al-ʿUlūm wa al-Ḥikam. Tahqiq: Dr. Maḥfuz al-Raḥmān Zain Allah.
- Al-Bukhāriy. Abu ʿAbdullah Muḥammad bin Ismāʿīl. T.th. *Ṣaḥīḥ al-Bukhāriy*. Faiṣal ʿĪsa al-Babiy al-Ḥalabiy.
- Al-Daraqūṭniy Abu al-Ḥasan ʿAli bin ʿUmar bin Aḥmad bin Mahdi bin Masʿud bin Nuʿmān bin Dīnār al-Baghdadiy. 2001M/1422H. *Sunan al-Dāraqūṭniy*. Cet pertama. Bairut-Lubnan: Dār al-Maʿrifah. Tahqiq: ʿĀdil Aḥmad ʿAbd al-Maujūd/ ʿAli Muḥammad Muʿawwiḍ.
- Al-Dhahabiy. Shams al-Din Muhammad bin Ahmad bin ʿUthman. 1995H/1416H. *Mizan al-Fitidal fi Naqd al-Rijal*. Cet pertama. Bairut: Dar al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- Al-Fālurjīy. Al-Shaikh Akram bin Muḥammad Ziyādah. 2005h/1426h. Muʿjam Shuyukh al-Ṭabariy. Cet pertama. Al-Qahirah: Dār Ibn ʿAffān.
- Al-Haithami Nur al-Din Ali bin Abu Bakr. 1412H. *Majmaʿ al-Zawāʿid wa Manbaʿ al-Fawāʿid*. Bairut. Dar al-Fikr.
- Al-Ḥākim. Muḥammad bin ʿAbdullah al-Ḥākim al-Naisābūriy Abu ʿAbdullah. 2002M/1422H. *Al-Mustadrak ʿala al-Ṣaḥīḥayn*. Cet kedua. Bairut-Lubnan: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah. Tahqiq: Muṣṭafa ʿAbd al-Qādir ʿAṭa.
- Ibn Abi Shaibah. ʿAbdullah bin Muhammad bin Ibrāhīm bin Shaibah al-ʿAbasiy, Abu Bakr. 2004M/1425H. *Muṣannaf Ibn Abi Shaibah*. Cet pertama. Al-Mamlakah al-ʿArabiyyah al-Saʿūdiyyah. Maktabah al-Rushd Nashirūn.
- Ibn ʿAṭiyyah. ʿAbd al-Ḥaq bin Ghālib bin ʿAṭiyyah al-Andalusiy. 2001M/1422H. *Al-Muḥarrar al-Wajīz fi Tafsīr al-Kitāb al-ʿAziz*. Cet pertama. Bairut-Lubnan: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah. Tahqiq: ʿAbd al-Salam ʿAbd al-Shāfiy Muḥammad.
- Ibn Ḥibbān. Muḥammad bin Ḥibban bin Aḥmad Abu Ḥātim al-Tamimiy al-Bastiy. 1952M/1372H. *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*. Misr: Dar al-Maʿārif. Tahqiq: Shaikh Ahmad Shākir.
- Ibn Kathīr. ʿImād al-Din Abu al-Fidāʿ Ismāʿīl bin Kathīr. 1988M /1408H. *Tafsīr al-Qurʾān al-ʿAzīm*. Cet pertama. Al-Qahirah: Dar al-Hadith..

- Ibn Khuzaimah. Abu Bakr Muḥammad bin Ishāq bin Khuzaimah al-Salamiy al-Naisāburiy. 2003M/1424H. *Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaimah*. Cet ketiga. Al-Maktab al-Islamiy. Tahqiq: Muhammad Muṣṭafa al-Aẓamiy.
- Ibn Taimiyyah. Taqiy al-Din Abu al-ʿAbbas Ahmad bin ʿAbd al-Halim bin Taimiyyah. 2005M/1426H. *Majmūʿ Fatāwā*. Cet ketiga. Dar al-Wafa. Tahqiq: Anwar al-Baz.
- Ibn Taimiyyah. Taqiy al-Din Abu al-ʿAbbas Ahmad bin ʿAbd al-Halim bin Taimiyyah. 1406h/1986m. Cet pertama. Jamiʿah al-Imam Muhammad bin Saʿud al-Islamiyyah. Tahqiq: Muhammad Rashad Salim.
- Ibrāhīm Abu Shadiy. 2007M/1428H. *Al-Ikhtiyārāt al-Fiḥhiyyah li al-Imām al-Albāniy*. Cet pertama. Al-Qahirah: Dār al-Ghad al-Jadīd.
- Al-ʿIrāqiy. Zain al-Dīn Abu al-Faḍl ʿAbd al-Raḥīm bin al-Ḥusayn. 1981M. *Al-Taḥqīd wa al-Īḍāḥ*. Al-Qāhirah: Dār al-Fikr.
- Al-Mubarakfuriy. Abu al-ʿUla Muhammad ʿAbd al-Rahman bin ʿAbd al-Rahim. 1990M/1410H. *Tuḥfah al-Aḥwadhīy bi Sharḥ Jāmf al-Tirmidhiy*. Cet pertama. Bairut Lubnan: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- Muhammad ʿAjjaj al-Khaṭīb. Dr. 1989m/1409h. *Uṣūl al-Ḥadīth ʿUlūmuhu wa Muṣṭalaḥuhu*. Dar al-Fikr li al-Ṭibāʿah wa al-Nashr wa al-Tauzīʿ.
- Muhammad Saʿid bin Umar. 1391. cet-3. *Tafsīr Nur al-Ihsan*. Maktabah wa Matbaʿah Muhammad al-Nahdiy wa Auladīh.
- Muslim. Al-Imam Abu al-Ḥusain Muslim bin al-Ḥajjāj bin Muslim al-Qushairiy al-Naisabūriy. 1421h/2000m. *Saḥīḥ Muslim*. Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tauzīʿ.
- Al-Muzainiy. Khālīd bin Sulaimān. 1427H. *Al-Muḥarrar fi Asbāb Nuzūl al-Qurʾān min Khilāl al-Kutub al-Tisʿah: Dirāsah al-Asbāb Riwāyah wa Dirāyah*. Cet pertama. Dār Ibn al-Jauziy li al-Nashr wa al-Tauzīʿ.
- Al-Nasāʿi. Abu ʿAbd al-Raḥmān Aḥmad bin Shuʿaib. 2001M/1421H. *Al-Sunan al-Kubrā*. Cet pertama. Muassasah al-Risalah. Tahqiq: Ḥasan ʿAbd al-Munʿim Shalabiy.
- Al-Qurṭubiy Abu Abdullah Muhammad bin Ahmad al-Ansariy. *Al-Jāmf li Aḥkām al-Qurʾān* 1408/1988. Cet-1. Bairut. Lubnan: Dar al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- Al-Sayūṭiy. Jalāl al-Dīn ʿAbd al-Raḥmān bin Abū Bakr. 1979M. *Tadīb al-Rāwi fi Sharḥ Taqīb al-Nawawiy*. Cet kedua. Bairut, Lubnan: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- Al-Shaukāniy. Muḥammad bin ʿAli. 1983M/1403H. *Faḥḥ al-Qaḍīr al-Jāmf baina Fannai al-Riwāyah wa al-Dirāyah min ʿIlm al-Tafsīr*. Bairut, Lubnan: Dār al-Fikr li al-Ṭibāʿah wa al-Nashr wa al-Tauzīʿ.
- Al-Shaukāniy. Muḥammad bin ʿAli. T.th. *Al-Fawāʿid al-Majmūʿah fi al-Aḥādīth al-Mauḍūʿah*. Maṭbaʿah al-Sunnah al-Muḥammadiyyah. Tahqiq: ʿAbd al-Raḥmān bin Yaḥya al-Muʿallimiy al-Yamaniy/ ʿAbd al-Wahhab ʿAbd al-Laṭīf.
- Sulaiman bin Umar al-Ujailiy al-Shafiʿe. t.th. *Al-Fuṭūḥāt al-Ilāhiyyah bi Tauḍīḥ Tafsīr al-Jalālayn li al-Daqāʾiq al-Khafīyyah*. Bairut, Lubnan: Dar al-Fikr.
- Al-Ṭabariy. Abu Jaʿfar Muḥammad bin Jarir al-Ṭabariy. *Jāmf al-Bayān ʿan Taʾwīl Āyi al-Qurʾān*. 1405H/1984M. Bairut. Lubnan: Dar al-Fikr.
- Al-Ṭabraniy. Sulaimān bin Aḥmad bin Ayyub Abu al-Qasim. 1983M. *Al-Muʿjam al-Kabīr*. Maktabah al-Rushd.
- al-Wahidiy. Abu al-Hasan Ali bin Ahmad bin Muhammad bin Ali. *Asbāb al-Nuzūl*. 2002M/1424H. Dār al-Ḥadīth al-Qāhirah. Tahqiq: Aiman Ṣāliḥ Shaʿbān.